



**IKLAN JAWATAN KOSONG BERGAJI HARI
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMOHON-PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

JAWATAN : PEKERJA TINGKAT II
KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mempunyai kelulusan 4'O' Level ke atas / NTC2/ LCCI Level 2.
- c. Berkebolehan dalam menggunakan komputer adalah satu kelebihan.
- d. Berkebolehan menaip aplikasi jawi menggunakan komputer adalah satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

1. Menaip memo-memo, segala persuratan, penyemakan (*Proof reading*), *system failing* susulan termasuk memproses permohonan dan Pentadbiran Pejabat.
2. Bertanggungjawab dalam menyimpan dan memastikan fail-fail dalam keadaan teratur dan sempurna.
3. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti disenaraikan oleh Kolej Universiti di dalam huraian tugasnya (*Job Description*).
4. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa kesemasa.

PEMBERITAHUAN:

1. Tarikh Iklan : 25hb November, 2019(hari Isnin) hingga 16hb Disember, 2019.
2. Permohonan adalah melalui pengisian borang KUPUSB kecuali dimaklumkan sebaliknya.
3. Isikan satu (1) salinan sahaja borang KUPUSB.
4. Borang KUPUSB boleh diperolehi melalui laman sesawang KUPU SB: www.kupu-sb.edu.bn.
5. Semua permohonan hendaklah dihadapkan dengan borang yang lengkap diisi dengan salinan-salinan kad pintar, surat beranak, pendaftaran JobCentre Brunei, sijil-sijil kelayakan, peperiksaan (yang dikendalikan oleh badan-badan professional dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam) dan sijil berhenti sekolah serta dikembalikan tidak lewat pada tarikh tutup iklan.
6. Borang permohonan yang diterima setelah tutup iklan tidak akan di layan.
7. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara menelefon **2236277**(Bahagian Pentadbiran, KUPUSB)

RUJ : KUPU SB/PJW/13/2015 (2/2019)

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN
PEJABAT PENDAFTAR
KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA
BANDAR SERI BEGAWAN BA 2111**